

10/01/2003

Persaraan Dr Mahathir: Pas resah Umno semakin gagah

Al-Kamarul Abdul Latif

RAMALAN pemimpin Pas kononnya akan tercetus perebutan kuasa dalam Umno apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan semua jawatannya dalam parti dan kerajaan Oktober depan tidak lebih sekadar untuk menutup kelemahan parti itu.

Pas sebenarnya gelisah, resah dan tidak tentu arah apabila rakyat terus memberikan sokongan kepada Perdana Menteri dan bakal penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Parti itu mahu mengalih tumpuan rakyat terhadap isu sebenar pembangkang yang semakin hari semakin dilanda kegelisahan. Pas akan menggunakan apa saja untuk menarik perhatian untuk meraih sokongan rakyat.

Mereka akan terus menggunakan pendekatan cuba mengadu-domba ahli Umno selepas melihat kekuatan Umno yang semakin sukar diganggu gugat melalui serangan luar.

Menjadi pegangan pemimpin Pas yang sentiasa mengambil kesempatan dalam apa juga keadaan tanpa perlu bertanggungjawab.

Apatah lagi ramalan atau dakwaan seumpama itu bukanlah perlukan bayaran tertentu, malah mampu meningkatkan lagi imej diri seandainya ramalan atau dakwaan itu pada akhirnya nanti menjadi kenyataan.

Terlalu banyak tuduhan yang dibuat oleh pembangkang selama ini yang bukan saja tersasar, malah langsung tidak membawa kebenaran.

Kita masih ingat lagi, dakwaan mereka yang mengatakan Dr Mahathir seorang diktator yang akan memegang jawatan Presiden Umno sampai mati tetapi sebaliknya dakwaan itu terkena pada batang hidung sendiri.

Begitu juga keadaannya apabila mereka begitu pantas membuat tuduhan yang mengatakan Dr Mahathir hanya bersandiwara berhubung pengumuman peletakan jawatannya.

Namun selepas melihat ketegasan Dr Mahathir untuk tidak berganjak daripada hasratnya itu, pembangkang kini mencipta pula cerita baru yang meramalkan berlakunya perebutan kuasa selepas pengunduran Perdana Menteri.

Apa yang pasti, senario politik kini jelas menampakkan, pembangkang kemuflihan isu untuk dijaja bagi mencalar imej kerajaan, terutama Umno.

Pendekatan ofensif yang diguna sebelum pilihan umum lalu tidak diamalkan lagi, lebih-lebih lagi apabila serangan bertali arus yang diterima pembangkang berhubung kegagalan demi kegagalan mereka mengotakan janji kepada rakyat.

Menyedari kekuatan Umno, pembangkang yang semakin terdesak terpaksa mengubah strategi melemahkan Barisan Nasional, khususnya Umno dari dalam.

Namun dalam pada mencuba strategi baru itu, pembangkang terutama Pas terpaksa pula bergelut dalam krisis dalaman mereka.

Bukan rahsia lagi, Pas kini berhadapan dengan krisis kepemimpinan

dalam apabila wujudnya kumpulan intelektual dan berpendidikan tinggi mahu mengubah kepemimpinan ulama demi membawa pembaharuan dalam parti.

Kemelut ini didedahkan oleh Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin, baru-baru ini yang berkata kumpulan yang dipercayai bekas ahli dan penyokong Umno itu sedang berusaha menjatuhkan kepemimpinan Pas yang tidak berpelajaran tinggi, jumud dan terlalu taksub.

Bagaimanapun, katanya, cubaan kumpulan itu membawa pemodenan dan mendidik pemimpin parti itu supaya berfikiran lebih progresif tidak akan berjaya selagi Pas dipimpin pemangku Presidennya kini Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Mungkin untuk menutup masalah itu, Hadi Awang dan pengikutnya terpaksa menukar rentak tari dengan terus mengusik politik dalam Umno.

Cara ini jelas satu pilihan terakhir seperti mana yang diamalkan oleh Presiden Amerika Syarikat, George W Bush yang menyerang Afghanistan dan Iraq untuk memulihkan semula imejnya yang tercalar berikutan serangan 11 September 2001 dan penyelewengan wang syarikat gergasi negara itu.

Justeru, pemimpin Pas terutama Hadi Awang dipercayai tidak akan mengubah strategi itu walaupun sedar ia mungkin akan memakan diri sendiri. Tetapi apakah pilihan yang ada pada mereka ketika ini?

Bagi pemimpin dan ahli Umno pula, mereka tidak seharusnya terleka dan menari mengikut gendang yang dipalu oleh Hadi Awang dan konconya.

Mereka perlu percaya kepada tradisi yang dipegang oleh Umno yang sentiasa memastikan proses peralihan kepemimpinan dijalankan secara lancar, teratur dan sempurna.

Apatah lagi dalam keadaan pembangkang yang semakin goyah, pemimpin dan ahli Umno perlu sedar kekuatan parti dan tidak akan mudah digoncang jika tidak kerana kesilapan mereka sendiri.

Apa yang perlu dilakukan oleh ahli Umno sekarang adalah meneruskan pendekatan dan program yang dirancangkan, di samping menyerang kelemahan pembangkang.

AL-KAMARUL ABDUL LATIF,
Cheras, Selangor.